

TALKING POINT
PROFESOR DATUK DR. SHAHRIN SAHIB
NAIB CANSELOR

PROGRAM INOVASI UTeM BERSAMA PDRM MELAKA

6 MAC 2017 (ISNIN); 3.00 PETANG

LOBI FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN, KAMPUS TEKNOLOGI

Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau, Melaka 755 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Tepat, Cepat.

YDH DCP Datuk Abd Jalil Bin Hassan

Ketua Polis Melaka

YDH SAC Datuk Roslan bin Hasan

Timbalan Ketua Polis Negeri Melaka

Y.Bhg. Prof. Dr. Mohd Ridzuan bin Nordin

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)

Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Zolkepli bin Buang

Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti)

Pegawai-Pegawai Kanan UTeM dan PDRM Melaka, Hadirin dan Hadirat
sekalian.

Pantun:

Pohon jelatang pohon berangan,
Pohon tinggi di tengah belantara;
Selamat datang tetamu undangan,
Kami di UTeM menyambut gembira.

Kapal dagang dari seberang,
Sarat muatan kayu meranti;
Dari PDRM tuan puan datang,
Kami di UTeM sedia menanti.

PENGENALAN

- i. Tahniah di atas pelantikan sebagai Ketua Polis Melaka berkuat kuasa 5 Januari yang lalu.
- ii. Selamat datang kepada YDH DCP Dato' Abd Jalil Bin Hassan, Ketua Polis Melaka dan Pegawai-Pegawai PDRM Melaka ke UTeM Kampus Induk, Durian Tunggal.

- iii. Lawatan ke kampus UTeM kali pertama – mengukuhkan kerjasama antara UTeM dan PDRM Negeri Melaka khususnya dalam aspek keselamatan.
- iv. Pengenalan UTeM:
 - a. UTeM beroperasi di 3 buah Kampus – Induk, Teknologi dan Bandar, universiti fokus dalam bidang teknikal; kejuruteraan, teknologi kejuruteraan, ICT dan Pengurusan Teknologi
 - b. Pelajar UTeM pada masa ini berjumlah hampir 12,000 orang dengan kekuatan warga kerja seramai 2,100
 - c. Dari aspek keselamatan, UTeM merupakan UA kedua (selepas UiTM) menubuhkan Pasukan Polis Bantuan UTeM berkuat kuasa pada 26 Februari 2013.

- d. Polis Bantuan UTeM pada masa kini adalah seramai 62 orang yang diketuai oleh SUPT/PB Affindi bin Abu Bakar.
- e. Bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan kampus UTeM, Rakan Keselamatan Universiti telah ditubuhkan pada 20 Disember 2012 bagi membantu mewujudkan komuniti UTeM yang peka dan mengambil berat terhadap keselamatan di samping membantu dalam penyaluran maklumat yang lebih efisien.
- v. UTeM sentiasa proaktif dalam pembangunan penyelidikan terhadap produk-produk inovasi yang dapat meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan dan kehidupan masyarakat.

- vi. Hari ini, penyelidik UTeM dari FTMK dan FKEKK akan memberikan taklimat berkenaan 2 sistem yang dibangunkan iaitu Sistem e-Ponteng dan e-Smart Security Guard System.

PENUTUP

- i. Diharapkan ukhwah antara UTeM dan PDRM terjalin kukuh menerusi program kerjasama di antara kedua pihak seperti penganjuran program kesedaran keselamatan, seminar, dll.

ii. Pantun:

Berbulu perak si ayam hutan;
Jalan bersama si ayam serama,
UTeM - PDRM mengukuh ikatan;
Menjamin keselamatan kesejahteraan bersama.

Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah. Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh. Terima Kasih.